


Hentikan kemelut antara Dr. Mahathir - Abdullah



KUALA LUMPUR 8 Jun - Kritikan peribadi Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak harus diperbesar dan diperpanjang demi kebaikan rakyat dan negara, kata bekas Setiausaha Politik kedua-dua tokoh pemimpin itu, Datuk Johari Baharum (**gambar**) hari ini.

Katanya isu itu tidak elok diperbahaskan secara terbuka kerana ia bersifat peribadi dan tidak molek jika pihak lain seperti rakyat terseret sama dalam perkara ini.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri bimbang jika poleniik ini tidak ditangani secara halus dan betul, kemungkinan besar ia akan diambil kesempatan oleh orang lain pula yang berkepentingan.

Johari adalah bekas Setiausaha Politik kepada kedua-dua Abdullah dan Dr. Mahathir semasa mereka menjadi Perdana Menteri sebelum beliau memegang jawatan sekarang selepas pilihan raya umum 2004.

Johari memberitahu *Bernama* ketika dihubungi di pejabatnya di Putrajaya, beliau amat kesal perkara ini diperbesar-besarkan oleh media kerana kritikan yang di-

Jika polemik ini tidak ditangani secara halus dan betul, kemungkinan besar ia akan diambil kesempatan oleh orang lain pula yang berkepentingan

**JOHARI
BAHARUM**
Timbalan
Menteri
Keselamatan
Dalam Negeri

buat oleh Dr. Mahathir bukan perkara baru dan pernah ditimbulkan lama sebelum ini serta ditangani oleh kerajaan dengan cara yang terbaik.

Beliau difahamkan perkara ini timbul apabila media asing mula bertanyakan soalan-soalan peribadi semasa sidang akhbar yang diadakan oleh Dr. Mahathir semalam untuk menghebahkan satu forum keamanan yang akan dianjurkan oleh Yayasan Kepimpinan Perdana di pejabatnya di Putrajaya.

"Kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya dalam membawa kemajuan kepada rakyat dan membangunkan negara sejak beliau memegang jawatan Perdana Menteri," katanya merujuk kepada kenyataan Dr. Mahathir bahawa beliau "ditikam dari belakang" oleh sesetengah pemimpin.

Menurutnya, Abdullah amat menyoy-

kong kerajaan pimpinan bekas Perdana Menteri itu kerana beliau turut berada di dalam Kabinetnya dan secara peribadi beliau menghormati Dr. Mahathir sebagai seorang negarawan dan tokoh pemimpin negara.

Katanya lagi, Abdullah tidak pernah lupa budi dan jasa Dr. Mahathir selama ini serta tidak pernah mengkritik beliau mengenai sebarang isu walaupun Abdullah sendiri dikritik tajam.

Jelas beliau, cara Abdullah mentadbir negara memang berbeza jika dibandingkan dengan cara Dr. Mahathir dahulu tetapi ia tidak bermakna tidak ada kesinambungan dalam pemerintahan negara.

"Semua dasar kerajaan yang dibuat sebelum ini masih diteruskan oleh Abdullah dan tidak berubah.

"Kita masih berusaha untuk mencapai matlamat negara maju menjelang tahun 2020 dan kini kita sedang giat hendak

melaksanakan Rancangan Malaysia Kesembilan demi kemajuan rakyat," katanya.

Beliau berpendapat bahawa keputusan-keputusan yang telah dibuat semasa pentadbiran Dr. Mahathir dahulu amat sesuai pada ketika itu.

"Bagaimanapun, dengan adanya perkembangan dan isu-isu terbaru, pendekatannya haruslah diubah mengikut keadaan semasa tetapi ini tidaklah bermakna ia meniadakan dasar-dasar yang dibuat dahulu.

"Inilah yang mungkin kurang disenangi oleh Tun Dr. Mahathir," kata beliau yang mengakui amat kenal hati budi kedua-dua pemimpin itu.

Beliau berharap kedua-dua Dr. Mahathir dan Abdullah dapat berjumpa dan duduk bersama untuk berbincang bagi menyelesaikan kemelut yang dihadapi oleh kedua-dua tokoh negara itu.

-Bernama